

28 OCT 2000

Mahathir-Malaysia

MAHATHIR GESA RAKYAT M'SIA DI LUAR NEGERI UTAMAKAN NEGARA DAN BANTU EKONOMI

Oleh: Tham Choy Lin

HONG KONG, 28 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa rakyat Malaysia di luar negeri supaya mengutamakan negara dan memikirkan bagaimana mereka boleh menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi dan penduduk.

Menurutnya mereka juga boleh membantu negara dengan menyangkal laporan tidak benar mengenai negara supaya lebih ramai orang akan melabur atau melawat Malaysia.

"Kita berharap rakyat Malaysia di luar negeri akan mengutamakan Malaysia, melihat ke tanah air sendiri dan memikirkan apa yang boleh mereka sumbangkan ke arah pertumbuhan ekonomi negara dan kemakmuran rakyat," katanya pada jamuan tengah hari anjuran Persatuan Malaysia di sini yang mempunyai seramai 15,000 anggota.

Dr Mahathir tiba hari ini untuk lawatan kerja sehari dan menyampaikan ucapan pada jamuan malam Persatuan Asia.

Kenyataan beliau dibuat sehari selepas kerajaan mengumumkan beberapa insentif untuk menarik rakyat Malaysia yang berkemahiran balik ke tanah air.

Langkah itu termasuk taraf pemastautin tetap untuk pasangan dan anak dalam masa enam bulan serta pengecualian cukai ke atas pendapatan dan aset persendirian yang dibawa pulang.

Dr Mahathir berkata insentif itu diberi kerana Malaysia sedang berkembang pesat dan memerlukan lebih ramai tenaga kerja dan menjelaskan bahawa ia merupakan beberapa buah negara membangun di dunia yang sudah mempunyai dua juta pekerja asing.

"Ini adalah hasil daripada dasar kita mewujudkan peluang-peluang pekerjaan tetapi kini kita sedang beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan kita perlukan pekerja berpengetahuan. Kita memerlukan minat anda untuk melabur di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata pasangan asing kepada rakyat Malaysia dialu-alukan dan beliau berharap mereka juga akan menyumbang ke arah pertumbuhan pesat ekonomi.

Menjawab soalan daripada anggota persatuan itu mengenai apa yang dapat dibantu oleh rakyat Malaysia terutama di Hong Kong, Dr Mahathir berkata mereka boleh memberi pandangan dan idea mengikut kepakaran mereka yang boleh memberi manfaat kepada Malaysia sama ada melalui interaksi antara rakyat Malaysia di tanah air atau mana-mana pertumbuhan Malaysia atau dewan perniagaan.

"Satu daripada perkara yang anda boleh lakukan, pastinya, pengetahuan anda mengenai pusat komersil penting di dunia ini, Hong Kong, dan pengetahuan itu boleh digunakan di Malaysia," katanya.

"Tetapi kata-kata pujian anda mengenai Malaysia sudah tentunya amat baik. Saya tidak dapat melihat bagaimana kita boleh mendapat liputan yang baik, jadi kita meletakkan harapan kepada 15,000 rakyat Malaysia di Hong Kong untuk menyampaikan kenyataan bahawa Malaysia adalah negara hebat dan semua perkara buruk yang mereka sebut mengenai kita adalah tidak benar sama sekali," katanya.

-- BERNAMA

TCL LAT RON